

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET



BANK SIMPANAN NASIONAL

BSN ASB Term Financing

Tarikh / Date : _____

Untuk diisi oleh Eksekutif Kewangan / Wakil
Cawangan / To be filled in by Financial Executive /
Branch Representative

Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **BSN ASB Term Financing**. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya.

*Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take **BSN ASB Term Financing**. Be sure to also read the terms in the letter of offer. Seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms.*

1. Apakah produk ini? / What is this product about?

- Ini adalah kemudahan pinjaman berjangka yang dijamin oleh unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan dikira berdasarkan kadar berubah. / This is a term loan facility secured by Amanah Saham Bumiputera (ASB) unit and calculated on a variable rate basis.
- Terma dan syarat kelayakan adalah seperti berikut / Terms and conditions are as follows:
 - Semua pelabur ASB yang berkelayakan di bawah garis panduan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). / All qualified ASB investors under the Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) guidelines.
 - Berumur 18 tahun ke atas dan sehingga umur 70 tahun semasa tamat tempoh pinjaman. / Aged 18 to 70 years old at the end of the loan tenure.
 - Tertakluk kepada terma dan syarat semasa Bank. / Subject to the current Bank's terms and conditions.

2. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?

- Amaun Pinjaman untuk Membeli Unit ASB : Minimum RM10,000 dan Maksimum RM200,000 / Loan Amount to Purchase ASB Unit: Minimum RM10,000 and Maximum RM200,000
- Kadar Faedah & Kadar Faedah Efektif / Interest Rate & Effective Interest Rate:

Perkara / Items	Dengan Insurans / With Insurance	Tanpa Insurans / Without Insurance
Tempoh (Tahun) / Tenure (Years)	5 - 40	
Kadar Faedah (% setahun) / Interest Rate (% per annum)	KAS* + 1.32% / SBR* + 1.32%	KAS* + 1.42% / SBR* + 1.42%
Kadar Faedah Efektif (% setahun) / Effective Interest Rate (% per annum)	4.07%	4.17%

Nota / Note: *Kadar Asas Standard (KAS) BSN semasa adalah 2.75% setahun (berkuat kuasa 17 Julai 2025) / *Current BSN Standardised Base Rate (SBR) is 2.75% per annum (effective 17 July 2025)

- Margin Pinjaman : 100% + 5% termasuk Duti Setem, Kos Cagaran, dan Insurans (jika ada) / Margin of Financing : 100% + 5% including Stamp Duty, Collateral Cost, and Insurance (if any)
- Jumlah Pinjaman / Total Loan Amount : RM105,000
- Tempoh / Tenure: 40 tahun / 40 years

Nota / Note: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / The above example is only for illustration


3. Apakah yang dimaksudkan dengan Kadar Asas Standard (KAS)? / What is Standardised Base Rate (SBR)?

KAS yang kami tawarkan bagi produk ini adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras pada masa kini ditetapkan mengikut Kadar Dasar Semalaman (OPR), yang mencerminkan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia. / The SBR we offer on this product is based on the benchmark rate specified by Bank Negara Malaysia. The benchmark rate is currently set as the Overnight Policy Rate (OPR), which reflects the monetary policy stance as decided by the Monetary Policy Committee of Bank Negara Malaysia.

4. Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan pada Kadar Asas Standard (KAS)? / What are possible scenarios to trigger a change in the Standardised Base Rate (SBR)?

KAS boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan pada kadar penanda aras, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR). / The SBR can rise or fall due to changes in the benchmark rate, i.e., changes in the Overnight Policy Rate (OPR).

5. Sejarah Kadar Asas Standard (KAS) dalam masa 3 tahun / Historical Standardised Base Rate (SBR) for the past 3 years



Nota / Note:

- Untuk siri sejarah yang lebih panjang, sila rujuk laman web kami. / For a longer historical series, please refer to our website.
- KAS diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis putus-putus menunjukkan siri sejarah OPR yang merupakan penanda aras KAS. / The SBR was introduced on 1 August 2022. The dotted line shows the historical series of the OPR, which is the benchmark of the SBR.

6. Apakah tanggungjawab saya? What are my obligations?

Jumlah ansuran bulanan / Monthly instalment	RM443
Jumlah keseluruhan bayaran di akhir tempoh Pinjaman 40 tahun / The total repayment amount at the end of 40 years	RM212,839
Jumlah keseluruhan kos faedah di akhir tempoh Pinjaman 40 tahun adalah / The total interest cost at the end of 40 years	RM107,839

Penting / Important:

Ansuran bulanan, jumlah keseluruhan bayaran balik, dan jumlah keseluruhan kos faedah akan berbeza jika terdapat perubahan KAS. / The monthly instalment, total repayment amount and total interest cost will vary if the SBR changes.

Kadar / Rate	Semasa (KAS = 2.75% setahun) / Current (SBR = 2.75% per annum)	Jika KAS naik 1% setahun / If SBR goes up 1% per annum	Jika KAS naik 2% setahun / If SBR goes up 2% per annum
Ansuran bulanan / Monthly instalment	RM443	RM511	RM583
Jumlah keseluruhan bayaran balik di akhir tempoh pinjaman [40] tahun / Total repayment amount at the end of [40] years	RM212,839	RM245,373	RM279,765
Jumlah keseluruhan kos faedah di akhir tempoh pinjaman [40] tahun / Total interest cost at the end of [40] years	RM107,839	RM140,373	RM174,765

Nota / Note: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / The above example is only for illustration

7. Apakah bayaran lain yang perlu saya bayar? What other charges do I have to pay?

Bil. / No.	Jenis Fi / Type of Fee	Butiran / Details
1.	Duti Setem / Stamp Duty	RM10 seperti yang termaktub dalam Akta Setem 1949 (Pindaan 1989) / As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989)
2.	Fi Unit ASNB / ASNB Unit Fee	RM50 setiap unit / RM50 per unit
3.	Insurans (pilihan) / Insurance (optional)	Berubah berdasarkan umur / tempoh / jumlah pinjaman / May vary based on age / tenure / loan amount

Nota / Note: Semua bayaran adalah dengan sekali pembayaran sahaja / All payments are one-off payment only

<p>8. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya? / What if I fail to fulfil my obligations?</p> <ul style="list-style-type: none"> Denda lewat bayar sebanyak satu peratus (1%) setahun akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak yang dikira mengikut bilangan hari tertunggak jika anda gagal atau lewat membuat bayaran di dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bank. / <i>If you fail to make payment of the amount due within the stipulated time, you shall be charged late payment penalty on the overdue amount at the rate of 1% per annum calculated on daily basis.</i> Pihak Bank berhak untuk membuat jualan balik paksa Unit ASB sekiranya tiada bayaran bulanan selama dua (2) bulan atau lebih. / <i>Bank have the right to forced sale the ASB Unit if the customer fails to make two (2) months or more instalment payments.</i> Bank berhak membuat tolakan (set-off) atau memindahkan apa-apa jumlah yang terhutang pada satu atau mana-mana akaun anda di Bank untuk menyelesaikan obligasi dan liabiliti yang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada Bank tertakluk kepada notis diberikan kepada anda dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tolakan (set-off) atau pindahan tersebut dilaksanakan. / <i>The Bank may set-off or transfer any credit balance in your account maintained with the Bank against any outstanding amount in this loan account by giving seven (7) days prior notice before such set-off or transfer.</i> Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan dan kos berhubung apa-apa tindakan undang-undang yang diambil oleh Bank terhadap anda akan ditanggung oleh anda - jika ada. / <i>Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices and legal cost will be borne by you - if applicable.</i> Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar. / <i>Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.</i> 	
<p>9. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pinjaman dalam tempoh lock-in? / What if I fully settle the loan during the lock-in period?</p> <ul style="list-style-type: none"> Penjelasan awal dibenarkan pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis secara bertulis kepada Bank. / <i>Early settlement is allowable at any time by providing a written notice to the Bank.</i> Bank berhak untuk mengenakan apa-apa kos sebenar yang berbangkit akibat daripada penjelasan awal tersebut. / <i>Bank reserves the rights to impose any actual cost incurred by the Bank as a result of the early settlement.</i> 	
<p>10. Adakah permohonan saya memerlukan penjamin atau cagaran? / Do I need a guarantor or collateral?</p> <ul style="list-style-type: none"> Tiada penjamin diperlukan bagi produk ini. / <i>Guarantor is not applicable for this product.</i> Unit ASB anda akan disimpan oleh pihak Bank sepanjang tempoh pinjaman sebagai cagaran. / <i>Your ASB Units will be kept by the Bank throughout the loan tenure as collateral.</i> 	
<p>11. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?</p> <p>Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada Bank secara bertulis atau melalui emel jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. / <i>It is important that you inform us any changes in your contact details (in writing or email) to ensure that all correspondences reach you in the timely manner.</i></p>	
<p>12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / Where can I get assistance and redress?</p>	
<p>Jika anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh hubungi kami di: / <i>If you have difficulties in making monthly payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:</i></p> <p>Pusat Perhubungan Pelanggan Bank Simpanan Nasional Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas) Emel/Email: customercare@bsn.com.my</p>	<p>Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan Perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di / <i>Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:</i></p> <p>Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce, Jln Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Tel: 03-2616 7766 Emel / Email : enquiry@akpk.org.my</p>

Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak bank di / *If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at:*

Pusat Perhubungan Pelanggan

Bank Simpanan Nasional

Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)

Emel/Email: customercare@bsn.com.my

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di / *If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:*

Blok D, Bank Negara Malaysia,

**Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.**

Tel: 1300 88 5465

Faks / Fax: 03-2174 1515

Emel / Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

13. Di manakah saya boleh memperoleh informasi dengan lebih lanjut? / *Where can I get further information?*

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai BSN ASB Term Financing, sila rujuk laman web www.bsn.com.my. / *Should you require additional information on BSN ASB Term Financing, please refer to www.bsn.com.my website.*

PENAFIAN / DISCLAIMER :

Terma dan syarat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini hanya sebagai maklumat dan tidak muktamad. Terma dan syarat yang muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran selepas penilaian dan kelulusan pihak Bank. / *The terms and conditions indicated in this Product Disclosure Sheet are tentative / indicative and not binding on the Bank. The final terms and conditions are as stipulated in the Letter of Offer after financing approval.*

Saya dengan ini telah membaca dan memahami terma dan syarat di atas / *Hereby I have read and understand the terms and conditions above.*

Tandatangan Pelanggan / *Customer's Signature*

**CATATAN PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN SEKIRANYA BERLAKU
KEMUNGKIRAN DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN ANDA. /**
**IMPORTANT NOTE : LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP REPAYMENTS
ON YOUR FINANCING.**

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai 17 Julai 2025 / *All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from 17 July 2025.*